

Mengapa orang muda kurang minat mengundi

Oleh SAPORA SIPON

UM - 31/1/2007

BARISAN Nasional (BN) mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam dengan majoriti lebih besar di mana calon Abd. Aziz Mat Kiram menewaskan calon bebas, Ng Chee Pang dengan memperoleh majoriti 5,857 undi.

Bagaimanapun, sesuatu yang membimbangkan ialah apabila jumlah pengundi yang keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada pilihan raya kecil DUN Batu Talam ini merosot berbanding pilihan raya umum 2004 lalu iaitu 76.59 peratus atau 10,866 pengundi.

Jumlah pengundi yang keluar mengundi pada pilihan raya kecil DUN Batu Talam pada kali ini adalah 7,131 atau bersamaan 67.32 peratus.

Apa yang lebih mengusarkan lagi apabila trend pengundian di Batu Talam yang memperlihatkan bahawa jumlah pengundi muda agak kurang jika dibandingkan dengan golongan warga emas.

Apa agaknya yang boleh ditafsirkan di sini? Mungkin pengundi muda sudah tidak berminat dalam agenda politik dan lebih memikirkan perkara-perkara lain dalam kehidupan mereka. Mungkin juga mereka lebih mengutamakan bentuk-bentuk hiburan seperti rancangan realiti televisyen. Itu hanya andaian yang tidak bersandarkan data-data statistik.

Selain itu, mungkin juga faktor keselesaan hidup membuatkan mereka lupa tentang tanggungjawab mengundi, iaitu tanggungjawab penting yang perlu dilakukan oleh setiap warganegara Malaysia yang layak mengundi. Faktor-faktor sebenar mengapa golongan muda tidak lagi berminat turun mengundi seperti yang berlaku di Batu Talam perlu dicari.

Satu artikel menarik bertajuk *Young voters: Untapped Potential for Candidates* menjelaskan bahawa golongan muda merupakan golongan yang kurang diberi perhatian dalam kempen mengundi.

Calon yang bertanding didapati kurang berusaha untuk mendekati golongan muda. Kesannya golongan muda merasakan undi mereka tidak penting dalam menentukan keputusan pilihan raya.

Untuk membuktikan perkara ini, satu kajian dilakukan di Harvard Institute of Politics di kalangan 1,200 pelajar. Hasil kajian mendapati dua pertiga daripada subjek kajian menjelaskan mereka akan melibatkan diri dalam perarakan politik jika diminta oleh rakan mereka. Sepuluh daripada mereka juga akan menawarkan diri untuk menyertai perarakan politik tersebut jika diminta.

Satu lagi faktor yang dikaitkan dengan mengapa golongan muda kurang minat mengundi mengikut Elizabeth Addonizio yang menjalankan kajian di Universiti Yale ialah ramai daripada golongan muda tidak memahami proses mengundi. Menurut beliau, golongan muda jarang diberi pendedahan mengenai proses-proses pengundian dan kepentingan mengundi.

Untuk menguji teori ini, beliau telah menemui subjek kajian, membawa bersama-sama mesin mengundi dan menerangkan bagaimana menggunakan mesin tersebut. Beliau juga menunjukkan bagaimana mendaftar untuk mengundi dan menerangkan kepentingan mengundi.

Hasil daripada itu, Addonizio mendapati 25 peratus subjek kajiannya telah turun mengundi dan hanya 11 peratus dalam kumpulan kawalan mengundi dalam pilihan raya.

Dalam pada itu, apa pun sebab golongan muda kurang mengundi di Batu Talam memerlukan perhatian serius kerana pada akhirnya ia turut memberi kesan kepada demokrasi.